

GARIS PANDUAN



JABATAN BENDAHARI

GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

UPSI (ISO)/BEN/P02/GP06

DISEDIAKAN :
OLEH

DILULUSKAN :
OLEH

NAMA : SITI SHAFINAZ BINTI MOHD SHAHID

NAMA : HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED

JAWATAN : PENOLONG BENDAHARI KANAN

JAWATAN : BENDAHARI


TARIKH : 1 JANUARI 2022

TARIKH : 1 JANUARI 2022

KELUARAN : A

PINDAAN : 01

TARIKH : 1 JANUARI 2022


 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS الجامعة الإسلامية SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 1/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai denda yang akan dikenakan terhadap pembekal yang lewat menghantar barang atau perkhidmatan melewati dari tarikh penghantaran yang dinyatakan dalam Pesanan Belian (PO).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penghantaran barang atau perkhidmatan yang melewati dari tarikh penghantaran yang dinyatakan dalam Pesanan Belian (PO) merupakan masalah yang boleh membawa kepada kerugian, menjejaskan perancangan serta meningkatkan kos kepada Universiti. Kegagalan tersebut menyebabkan jumlah tanggungan yang tinggi pada setiap tahun serta menjejaskan perancangan perolehan yang telah dirancang lebih awal.
- 2.2 Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Khas Bil.12/2020 bertarikh 27 November 2020 telah meluluskan pelaksanaan pengenaan denda lewat bekal untuk perolehan barang atau perkhidmatan di UPSI berkuatkuasa mulai tahun 2021.
- 2.3 Walaubagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 10/2021 pada 23 Jun 2021 telah bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaan denda lewat bagi perolehan barang atau perkhidmatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkuatkuasa mulai bulan Januari 2022 dengan justifikasi seperti berikut:-

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS اوردو سيدي سلطان ادريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 2/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A


- i) Sesi latihan bersama pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu diadakan terlebih dahulu bagi memberi kefahaman dengan lebih terperinci mengenai pelaksanaan proses baru ini.
- ii) Syarikat-syarikat pembekal barang dan perkhidmatan ini tidak terbeban dengan denda yang dikenakan kerana punca kelewatan adalah disebabkan kesulitan untuk mendapatkan bekalan dari pengilang semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3.0 KADAR DENDA LEWAT BEKAL PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

3.1 Kadar denda yang akan dikenakan kepada pembekal bagi kelewatan membekal barang atau perkhidmatan adalah seperti berikut:

- i) Suatu denda sebanyak 2.5% daripada nilai barang atau perkhidmatan yang lewat diterima jika kelewatan itu tidak melebihi dua kali ganda dari tempoh penyerahan asal.
- ii) Sesuatu denda sebanyak 5% daripada nilai barang atau perkhidmatan yang lewat diterima jika kelewatan itu melebihi dua kali ganda dari tempoh penyerahan asal.

3.2 Denda yang dikenakan akan ditolak terus daripada nilai bayaran yang akan dibayar kepada pembekal manakala amaun denda berkenaan akan diakaunkan sebagai hasil UPSI.


 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS لورنوييسوي قنديديتو سلطان ادريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 3/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A

4.0 PELANJUTAN TEMPOH

- 4.1 Sekiranya terdapat permohonan oleh pembekal bagi melanjutkan tempoh penghantaran, kelulusan bagi melanjutkan tempoh penghantaran adalah melalui Jabatan Bendahari dengan memenuhi syarat seperti berikut:-
- i) bekalan tersebut adalah bekalan yang diimport sahaja; atau
 - ii) barangan telah "*outdated*" dan tiada lagi berada di pasaran; atau
 - iii) terdapat kesulitan untuk mendapatkan bekalan kerana bencana alam atau keadaan darurat
- 4.2 Pelanjutan tempoh hanya boleh diberikan sekali sahaja.
- 4.3 Permohonan bagi melanjutkan tempoh penghantaran hendaklah dibuat sebelum tempoh asal tamat.
- 4.4 Bagi bekalan "ex-stock" atau barangan keluaran tempatan, perlanjutan tempoh penghantaran bagi mengecualikan kenaan denda adalah tidak dibenarkan.


5.0 KAEDAH PELAKSANAN

- 5.1 Semasa proses menyediakan PO, PTj perlu memastikan tempoh penghantaran "delivery term" dalam bentuk hari dimasukkan pada ruangan "Delivery Term" yang ditetapkan. Sila rujuk **Manual Pengguna Pesanan Belian (Purchase Order) UPSI(ISO)/BEN/P02/MP03**.
- 5.2 Sekiranya pembekal tidak dapat membekalkan barang atau perkhidmatan mengikut tempoh masa seperti yang dinyatakan pada PO, pembekal perlu

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ايرنوريسيتي سلطان ايدريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 4/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A

mengemukakan permohonan kepada PTj dengan menyatakan justifikasi yang jelas dan tempoh masa pelanjutan yang spesifik.

- 5.3 Jika memenuhi syarat-syarat pelanjutan yang ditetapkan, PTj dikehendaki mengisi Borang Denda Lewat Bekal Untuk Perolehan Barang atau Perkhidmatan dan mengemukakan ke Unit Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Jabatan Bendahari seperti di **Lampiran A**.
- 5.4 PTj perlu menyediakan Nota Terima Bekalan "Goods Receive Note"(GRN) dengan meletakkan tarikh penerimaan barang atau perkhidmatan seterusnya menekan butang "Late Delivery Charge". PTj perlu memastikan pegawai pelulus GRN adalah berbeza dari pegawai penyedia. Sila rujuk **Manual Pengguna Goods Receive Note (GRN) UPSI(ISO)/BEN/P02/MP05**.
- 5.5 Denda yang dikenakan akan ditolak terus daripada nilai bayaran yang akan dibayar kepada pembekal manakala amaun denda berkenaan akan diakaunkan sebagai hasil UPSI.
- 5.6 Sekiranya pembekal masih tidak dapat membekalkan barang atau perkhidmatan mengikut tempoh pelanjutan yang diberikan, PTj boleh memutuskan untuk membatalkan pesanan tersebut dan PO hendaklah dibatalkan.
- 5.7 Carta alir bagi proses denda lewat bekal untuk perolehan barang atau perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran B**.
- 5.8 Contoh kiraan denda lewat bekal yang akan dikenakan kepada pembekal adalah seperti di **Lampiran C**.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS اورنوريسيتي كئيديديقن سلطان ادريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 5/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A

6.0 TARIKH BERKUATKUASA

- 6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2022**. Adalah diharap, semua Ketua PTj memberi kerjasama untuk memaklumkan penguatkuasaan pekeling ini kepada semua pegawai di bawah tanggungjawab masing-masing.



JABATAN BENDAHARI
BORANG DENDA LEWAT MEMBEKALKAN BARANG/PERKHIDMATAN

UPSII/BEN/PHB-08

A. MAKLUMAT PEROLEHAN

Nama Syarikat : _____

Tajuk Perolehan : _____

No. Pesanan Belian (PO) : _____

Jumlah Perolehan (Seperti di dalam PO) : _____

Tarikh Akhir Tempoh Penghantaran (Seperti di dalam PO) : _____ (mm/dd/yyyy)

Tarikh Perlanjutan Tempoh Penghantaran Diluluskan : _____ (mm/dd/yyyy)
 (Sila lampirkan surat kelulusan jika ada)

Bilangan Hari Perlanjutan Tempoh : _____ (Hari)

Alasan Lewat Bekal : _____

B. PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Diperakukan perlanjutan tempoh penghantaran tanpa denda .

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

 Tandatangan & Cop
 (Penolong Pendaftar /Timbalan Pendaftar)
 Tarikh : _____

 Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab &
 Cop Rasmi Pusat Tanggungjawab
 Tarikh : _____

C. KELULUSAN JABATAN BENDAHARI

Diluluskan/tidak diluluskan perlanjutan tempoh penghantaran tanpa denda .

Catatan:

Diluluskan oleh :

 Tandatangan & Cop
 Tarikh : _____



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوتونوميستي كنديديدمن سلطان ادرس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**GARIS PANDUAN DENDA LEWAT
BEKAL UNTUK PEROLEHAN
BARANG ATAU PERKHIDMATAN**

UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06

Muka surat : 6/8


Tarikh : 1 JANUARI 2022


Pindaan : 01

Keluaran : A

Lampiran B

CARTA ALIR



 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS اوتريزستي قديديقن سلطان ادرس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 7/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A


Lampiran C

CONTOH KIRAAN DENDA YANG AKAN DIKENAKAN UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN UNTUK DENDA 2.5%

Contoh 1:

Suatu denda sebanyak 2.5% daripada nilai barang atau perkhidmatan yang lewat diterima jika kelewatan itu tidak melebihi dua kali ganda dari tempoh penyerahan asal.

- | | | |
|--------------------------|---|--|
| a) Jumlah di PO | : | RM19,000 |
| b) Tarikh PO | : | 1/1/2021 |
| c) Tempoh Bekal | : | Satu (1) bulan |
| d) Tarikh Akhir Bekal | : | 31/1/2021 |
| e) Bekalan disempurnakan | : | 15/2/2021 |
| f) Tempoh lewat | : | 15 hari (tidak melebihi 2 kali ganda dari 1 bulan) |
| g) Peratusan denda | : | 2.5% |
| h) Kadar denda | : | RM19,000 X 2.5% |
| | : | RM475.00 |

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS اوپنورسیتی لتدوینة، سلطان ادریس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN	Muka surat : 8/8
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP06	Pindaan : 01
		Keluaran : A

Lampiran C

CONTOH KIRAAN DENDA YANG AKAN DIKENAKAN UNTUK PEROLEHAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN UNTUK DENDA 5%

Contoh 2:

Sesuai denda sebanyak 5% daripada nilai barang atau perkhidmatan yang lewat diterima jika kelewatan itu melebihi dua kali ganda dari tempoh penyerahan asal.

- | | | |
|--------------------------|---|--|
| a) Jumlah di PO | : | RM19,000 |
| b) Tarikh PO | : | 1/1/2021 |
| c) Tempoh Bekal | : | Satu (1) bulan |
| d) Tarikh Akhir Bekal | : | 31/1/2021 |
| e) Bekalan disempurnakan | : | 3/3/2021 |
| f) Tempoh lewat | : | 31 hari (melebihi 2 kali ganda dari 1 bulan) |
| g) Peratusan denda | : | 5% |
| h) Kadar denda | : | RM19,000 X 5% |
| | : | RM950.00 |